



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah terbuka kepada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia beralamat di **WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor**. Tempoh sah laku sebut harga ialah **60 hari** mulai tarikh tutup sebut harga.

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN
KWP(SH-B)24/2015/PTA	PERKHIDMATAN SEWAAN LOGISTIK SEMPENA PROGRAM KHAS YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN BERSAMA KOMUNITI PUTRAJAYA	221305 atau 221511 atau 221507

2. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi/dimuat turun mulai **11 Ogos 2015 (SELASA)** secara percuma melalui laman web <http://www.kwp.gov.my>.
3. Cadangan Tawaran Sebut Harga yang lengkap diisi hendaklah dikemukakan **sebelum atau pada 13 Ogos 2015 (KHAMIS) jam 12.00 tengah hari** melalui kaedah berikut:
 - i) **Serahan tangan**- dimasukkan di dalam sampul surat yang berlakri/bermetri dengan nombor sebut harga ditulis di penjuru kiri sebelah atas sampul serta dikemukakan cadangan tawaran sebut harga hendaklah **diserahkan** di kaunter Bahagian Kewangan seperti alamat berikut:

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
ARAS 3, BLOK 2, MENARA SERI WILAYAH
PRESINT 2, 62100 PUTRAJAYA
(U.P.: BAHAGIAN KEWANGAN)**
 - ii) **Melalui faks: 03-8889 7730**
 - iii) **Melalui e-Mel: sebutharga_b@kwp.gov.my**
4. Tawaran sebut harga yang lewat dikemukakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
5. **Harga tawaran** oleh Penyebut harga hendaklah **tanpa kenaan GST**.
6. Fi Perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem ePerolehan akan dikenakan kepada pembekal-pembekal/syarikat yang dilantik, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta atau sebanyak 0.4% bagi setiap nilai pesanan kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM 4,800.00 bagi pesanan Kerajaan melebihi RM 1.2 juta. Fi yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah sistem ePerolehan.



**KERAJAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

DOKUMEN SEBUT HARGA

KWP(SH-B)24/2015/PTA

**PERKHIDMATAN SEWAAN LOGISTIK SEMPENA PROGRAM KHAS
YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN BERSAMA
KOMUNITI PUTRAJAYA**

PERINGATAN PENTING

**KESILAPAN MENGISI BORANG TAWARAN ATAU MELANGGAR MANA-MANA ARAHAN
DAN SYARAT-SYARAT DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA INI TIDAK AKAN
DIPERTIMBANGKAN**

**SILA BACA DAN FAHAMI KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DALAM
DOKUMEN SEBUT HARGA INI SEBELUM MEMBUAT TAWARAN**

SEKSYEN 1 - ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUT HARGA

1. KENYATAAN TAWARAN

- 1.1 Pelawaan terbuka kepada syarikat **eP enabled** beralamat pendaftaran di **Putrajaya, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** serta berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang 211305 atau 221511 atau 221507.
- 1.2 Pendaftaran kod bidang hendaklah masih sah sekurang-kurangnya dalam tempoh **Tiga (3) bulan** daripada tarikh pelawaan sebut harga ini.
- 1.3 Cadangan Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan melalui kaedah **faks, e-mel atau serahan tangan** ke alamat berikut:

**Kementerian Wilayah Persekutuan,
Bahagian Kewangan
Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2
62100 Putrajaya.
Nombor Faks: 03-8889 7730
e-Mel: sebutharga_b@kwp.gov.my**

- 1.4 Tawaran sebut harga yang **tidak menggunakan format Dokumen Sebut Harga** yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**. Walau bagaimanapun, penggunaan lampiran tambahan adalah dibenarkan.
- 1.5 Tarikh akhir penyerahan sebut harga **serahan tangan, faks atau emel** hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada **13 OGOS 2015 (KHAMIS) JAM 12:00 TENGAHARI**. Dokumen sebut harga yang diterima selepas daripada tarikh dan masa yang ditetapkan, bersabit dari apa-apa punca sekalipun, tidak akan dipertimbangkan.
- 1.6 Dokumen Cadangan Tawaran Sebut Harga yang telah lengkap diisi dan ditandatangani **perlu dikembalikan kepada Kementerian** adalah sebagaimana dinyatakan dalam **SENARAI SEMAK**.

- 1.7 **Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih tanpa kenaan GST.**
- 1.8 Penyebut harga hendaklah **mengisytiharkan Status Pendaftaran GST** Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam **Borang Keterangan Penyebut harga (LAMPIRAN A).** Sekiranya Penyebut harga telah berdaftar GST dengan JKDM hendaklah mengemaskini No. Pendaftaran GST dalam **Modul Pendaftaran Pembekal Sistem ePerolehan dengan segera.**
- 1.9 Perolehan pembekalan barangan adalah diberi pelepasan daripada kenaan GST kecuali kereta import dan petroleum (RON 97). Walau bagaimanapun, bagi tujuan rekod, Syarikat hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran GST sekiranya berdaftar GST dengan JKDM.
- 1.10 Harga yang ditawarkan hendaklah juga termasuk Fi Perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem ePerolehan akan dikenakan kepada pembekal-pembekal/syarikat yang dilantik, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta atau sebanyak 0.4% bagi setiap nilai pesanan kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM 4,800.00 bagi pesanan Kerajaan melebihi RM 1.2 juta. Fi yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah sistem ePerolehan.
- 1.11 Harga yang disebutkan di dalam **LAMPIRAN D (Jadual Harga)** hendaklah sah laku bagi tempoh tidak kurang daripada sembilan puluh **(60 hari)** dari tarikh tutup sebut harga.

2. PEMBAYARAN

- 2.1 Semua pembayaran adalah dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM);
- 2.2 Pembayaran perkhidmatan akan dibuat secara sekali gus (*one-off*) setelah penyempurnaan perkhidmatan telah disahkan oleh Kerajaan dengan disertakan dokumen tuntutan seperti invois/nota penghantaran atau lain-lain yang berkaitan.

3 GARIS PANDUAN PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

3.1 *Integrity Pact* dilaksanakan bertujuan untuk :

- a) Mengelak daripada menawar atau memberi rasuah;
- b) Menghendaki Penyebut harga melaporkan sebarang kesalahan rasuah kepada Pihak Berkuasa; dan
- c) Memastikan Kerajaan tidak menanggung "*unnecessary costs*" dalam pelaksanaan urusan perolehan.

3.2 *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan terdiri daripada unsur-unsur penting seperti berikut :

- a) menerima **pelawaan rasmi** untuk **menyertai sebut harga** bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja;
- b) membuat **akuan** bahawa Penyebut harga tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana pihak untuk mendapatkan atau mengekalkan sesuatu kontrak berkaitan perolehan Kerajaan;
- c) mewujudkan "**Code of Conduct**" bagi membenteras gejala rasuah dan perlakuan tidak beretika di kalangan kakitangan syarikat serta mengadakan **program pematuhan "Code of Conduct"** untuk semua kakitangan syarikat; dan

3.3 Kaedah Pelaksanaan *Integrity Pact*

Kesemua Penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Format Surat Akuan Pembida adalah seperti di **LAMPIRAN C**. Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran.

4 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 4.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 4.2 Sekiranya mana-mana pihak menawar atau memberi apa-apa suapan kepada anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegahan Rasuah atau Balai Polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 4.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 4.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan di bekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

5 MAKLUMAT TAMBAHAN

- 5.1 Sebarang pertanyaan berkaitan sebut harga ini hendaklah dirujuk kepada:

Seksyen Perolehan,
Bahagian Kewangan,
Kementerian Wilayah Persekutuan
Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah,
Presint 2,
62100 PUTRAJAYA

Nombor Telefon : 03-8889 7685 / 7826
Nombor faksimili : 03-8889 7730
Emel : sebutharga_b@kwp.gov.my

SEKSYEN 2

LAMPIRAN-LAMPIRAN

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab, sila nyatakan
nombor ini

No. Sebut Harga :
KWP(SH-B)24/2015/PTA

(Kew.284-Pin. 5/94)

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN

**PERKHIDMATAN SEWAAN LOGISTIK SEMPENA PROGRAM KHAS YB MENTERI WILAYAH
PERSEKUTUAN BERSAMA KOMUNITI PUTRAJAYA**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat) No. Telefon :..... No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan :..... Kod bidang pendaftaran yang relevan Dengan pembelian ini : 211305/221511/221507	Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap) Kementerian Wilayah Persekutuan Aras G, 1-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah Presint 2, 62100 Putrajaya E-mel: sebutharga_b@kwp.gov.my No. Faks: 03-88897730 Tarikh: 11 Ogos 2015
---	---

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan: **Rujuk Dokumen Sebut Harga.**
 - 1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki: **Rujuk Dokumen Sebut Harga.**
 - 1.3. Arahan pengiriman: **Kementerian Wilayah Persekutuan, Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Putrajaya.**
 - 1.4. Sebut harga hendaklah dihantar secara **serahan tangan / faks / e-mel** sebelum atau pada **13 Ogos 2015 (Khamis) tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari.**
 - 1.5. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **enam puluh (60) hari** mulai daripada tarikh tutup sebut harga.

Tarikh: 11 Ogos 2015

Oleh: Seksyen Perolehan KWP

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarikat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar/Unit (RM)	Harga (RM)
1.	PERKHIDMATAN SEWAAN LOGISTIK SEMPENA PROGRAM KHAS YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN BERSAMA KOMUNITI PUTRAJAYA	Lot	Lot		
<p><i>Fi Perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem ePerolehan akan dikenakan kepada pembekal-pembekal/syarikat yang dilantik, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta atau sebanyak 0.4% bagi setiap nilai pesanan kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM 4,800.00 bagi pesanan Kerajaan melebihi RM 1.2 juta. Fi yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah sistem ePerolehan.</i></p>					
Jumlah keseluruhan (Nilai Tanpa Kenaan GST)					

- (i) **Nilai Caj kenaan GST 6% : RM _____ (sekiranya berdaftar GST dengan JKDM)**
- (ii) **Tempoh pembekalan _____ minggu (maksimum 6 minggu ditetapkan oleh Kerajaan).**

Saya/Kami dengan ini menawarkan perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat – syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat – syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebut Harga:.....

Nama dan K/P:

Alamat Syarikat:

Tarikh :

Mustahak - Lihat Syarat – syarat Am Di Belakang

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos pengangkutan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang Pekeliling yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan

- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

**BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG
KELUARAN MALAYSIA**

12. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

13. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

14. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

15. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

LAMPIRAN A**KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA****BAHAGIAN A - MAKLUMAT ASAS PENYEBUT HARGA**

1. Nama Syarikat : _____

2. Alamat Syarikat
 - 2.1 Ibu Pejabat : _____

 - 2.2 Cawangan : _____
 (sekiranya ada) _____

3. No. Telefon dan No. Faks : _____
 Alamat Emel : _____

4. No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan : _____

5. Tarikh Pendaftaran Syarikat : _____

6. Tempoh Sah Pendaftaran Syarikat : _____

7. Pengisytiharan Status Pendaftaran GST Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) :
Tidak Berdaftar GST dengan JKDM / Berdaftar GST dengan JKDM No. Pendaftaran
 _____ (potong yang tidak berkenaan)

8. Telah mengemaskini No. Pendaftaran GST dalam Sistem ePerolehan: **YA / TIDAK**
(Bagi Penyebut harga yang telah berdaftar GST dengan JKDM)

9. Jenis-jenis Perniagaan : _____

10. Jenis Syarikat : Syarikat Persendirian / Syarikat Perkongsian /
Syarikat Tanggungan Bhd / Syarikat Sdn. Bhd.
(potong yang tidak berkenaan)

11. Bagi Syarikat Sdn. Bhd. nyatakan

i. Modal dibenarkan : _____

ii. Modal Berbayar : _____

iii. Kemudahan Kewangan : _____ Nilai : _____

(Overdraif, Urusan Pemfaktoran dll)

(Sila lampirkan satu salinan yang diakui sah)

12. Nama Bank : _____

Alamat Bank : _____

13. Status Syarikat (*Tandakan \checkmark di mana yang berkenaan*)

i. 100% Syarikat Tempatan _____

ii. Perkongsian Antara Syarikat Tempatan/Luar Negeri _____

iii. Syarikat Luar Negeri _____

iv. Lain-lain (*nyatakan*) _____

14. Butir-butir Pemilik/Pemegang Saham Syarikat :

i. Jika milik perseorangan

Nama Pemilik	No. Kad Pengenalan

ii. Jika milik perkongsian

Bil	Nama Pemilik	No. Kad Pengenalan	% Milik

iii. Jika Syarikat Sendirian Berhad

Bil	Lembaga Pengarah	No. Kad Pengenalan

Bil	Nama Pemegang Saham/ No. Kad Pengenalan	Status Bumiputera/ Bukan Bumiputera	Bilangan Saham/ % milik

CATATAN : Sila gunakan lampiran tambahan sekiranya ruangan tidak mencukupi.

15. Nyatakan pembekal utama dalam perkhidmatan bagi Sebut harga ini (sekiranya tanaman dibekalkan oleh pembekal/syarikat lain)

i. Nama Pembekal Utama : _____

ii. Alamat : _____

iii. No. Telefon : _____

16. Nama orang yang bertanggungjawab dalam urusan Sebut harga ini dan yang akan menandatangani Sebut harga sekiranya berjaya:

- i. Nama : _____
- ii. No. Kad Pengenalan : _____
- iii. Jawatan : _____

17. Dengan ini saya mengesahkan bahawa semua penerangan di atas adalah benar.

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

Cap Rasmi Syarikat

Nota: Jika didapati keterangan/maklumat di atas tidak benar, pihak Kerajaan berhak menolak/membatalkan tawaran syarikat tuan.

LAMPIRAN B

SURAT JAMINAN PENYEBUT HARGA

Kepada:

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN,
ARAS G-7, BLOK 2, MENARA SERI WILAYAH, PRESINT 2,
62100 W. P. PUTRAJAYA**

Tuan,

**NO.SEBUT HARGA : KWP(SH-B)24/2015/PTA
PERKHIDMATAN SEWAAN LOGISTIK SEMPENA PROGRAM KHAS YB MENTERI
WILAYAH PERSEKUTUAN BERSAMA KOMUNITI PUTRAJAYA**

Adalah saya/kami dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah keseluruhan sebanyak **RM.....(Ringgit Malaysia)(FOB).**

2. Saya/kami mengesahkan bahawa perkhidmatan dalam sebut harga ini dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan, mencapai piawaian atau kualiti serta dijamin keselamatan. Ketidaktersempurnaan yang berpunca dari saya/kami atas sebab kualiti atau mutu atau pelaksanaan kerja-kerja sebelum, semasa dan selepas perkhidmatan di dalam tempoh perkhidmatan/jaminan maka perkhidmatan akan dilaksanakan oleh pihak ketiga dan sebarang kos tambahan yang berbangkit akan ditanggung oleh saya/kami dan tidak akan dikenakan kepada Kerajaan.

3. Saya/kami dengan ini mengesahkan bahawa kami akan menyempurnakan perkhidmatan dalam tempoh masa yang dipersetujui atau tempoh jaminan. Jika sebut harga ini diterima, saya/kami bersetuju untuk menandatangani Pesanan Kerajaan/Surat Setuju Terima dalam tempoh masa empat belas (14) hari dari tarikh surat tersebut.

4. Saya/kami bersetuju bahawa tempoh sah laku sebut harga ini akan dibuka selama enam puluh (60) hari daripada tarikh sebut harga ini ditutup dan dalam tempoh tersebut saya/kami tidak boleh menarik balik tawaran sebut harga tersebut.

5. Saya dengan ini mengesahkan **jumlah harga** bagi Sebut Harga Perkhidmatan Perkhidmatan Sewaan Logistik Sempena Program Khas YB Menteri Wilayah Persekutuan Bersama Komuniti Putrajaya Di Kementerian Wilayah Persekutuan yang ditawarkan adalah sebanyak RM (Ringgit Malaysia:)
adalah harga sebenar (**Jumlah Harga Tawaran Tanpa Kenaan GST**).

.....
Tandatangan
Nama Penuh :
No. K/P :
Tarikh :

.....
Tandatangan Saksi
Nama Penuh :
No. K/P :
Tarikh :

Cop Rasmi Syarikat:

LAMPIRAN C

SURAT AKUAN PEMBIDA

**NO.SEBUT HARGA : KWP(SH-B)24/2015/PTA
PERKHIDMATAN SEWAAN LOGISTIK SEMPENA PROGRAM KHAS YB MENTERI
WILAYAH PERSEKUTUAN BERSAMA KOMUNITI PUTRAJAYA**

Saya,..... nombor K.P
yang mewakilinombor Pendaftaran
(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Kementerian Wilayah Persekutuan** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

1. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Kementerian Wilayah Persekutuan** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :

No. KP:

Cop syarikat :

LAMPIRAN D

JADUAL HARGA						
Bahagian/ Unit : BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT (BPM) Bekalan/ Perkhidmatan : PERKHIDMATAN SEWAAN LOGISTIK SEMPENA PROGRAM KHAS YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN BERSAMA KOMUNITI PUTRAJAYA						
Bil	Perihal barang-barang / perkhidmatan dan syarat-syarat khas	Unit Ukuran	Kuantiti / Kekekapan	Kadar seunit (RM)	Harga (RM)	Catatan
1	PERKHIDMATAN SEWAAN LOGISTIK SEMPENA PROGRAM KHAS YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN BERSAMA KOMUNITI PUTRAJAYA	Lot	Lot			
JUMLAH KESELURUHAN (JUMLAH TAWARAN TANPA KENAAN GST)						

Nilai caj kenaan GST 6% : RM _____ (Bagi syarikat telah berdaftar GST dengan JKDM sahaja)

.....
Tandatangan Penyebut Harga

Nama Penuh :

No. K/P :

Cop Syarikat :

LAMPIRAN E

SPESIFIKASI PERKHIDMATAN

BIL	ITEM	KUANTITI	CATATAN
1	Khemah 20 kaki x 20 kaki	10 unit	Dilengkapi dengan 1 unit kipas/blower, lampu, meja bankuet dengan alas meja warna jingga terang atau kuning gelap, kerusi plastik warna biru dan scallop berwarna biru dan kuning untuk kapasiti tetamu seramai 120 orang
2	Khemah 20 kaki x 30 kaki	2 unit	Dilengkapi dengan 1 unit kipas/blower, lampu, meja bankuet dengan alas meja warna jingga terang atau kuning gelap, kerusi plastik warna biru dan scallop berwarna biru dan kuning untuk kapasiti tetamu seramai 150 orang
3	Khemah Marquette berukuran 30 kaki x 100 kaki	2 unit	Dilengkapi dengan 4 unit kipas/blower, lampu, meja bankuet untuk meletak makanan buffet sepanjang 50 kaki untuk kapasiti tetamu stail <i>free and easy (cocktail table)</i>
4	Meja cocktail	60 unit	Berukuran 3 kaki diameter (minimum)
5	Pendingin hawa mudah alih	10 unit	Digunakan sepenuhnya di dalam kawasan utama (<i>main hall</i>) di Atrium. <i>Power extension included.</i>
6	Alas meja bulat	42 unit	Untuk menghias dan menutup 42 buah meja bulat bagi kegunaan makan dan minum tetamu
7	Alas kerusi bankuet	420 unit	Untuk menghias dan menutup 420 buah kerusi bankuet sebagai tempat duduk tetamu
8	Alas meja besar dengan hiasan bunga	22 unit	Untuk hiasan tambahan bagi meja-meja tetamu jemputan

SENARAI SEMAK

PERKHIDMATAN SEWAAN LOGISTIK SEMPENA PROGRAM KHAS YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN BERSAMA KOMUNITI PUTRAJAYA NO. SEBUT HARGA: KWP(SH-B)24/2015/PTA

Sila tandakan ✓ Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Sila Tandakan ✓ (Syarikat)
1.	LAMPIRAN Q	
2.	LAMPIRAN A - Keterangan Mengenai Penyebut harga	
3.	LAMPIRAN B – Surat Jaminan Penyebut harga	
4.	LAMPIRAN C – Surat Akuan Pembida	
5.	LAMPIRAN D – Jadual Harga	
6.	LAMPIRAN E – Spesifikasi Perkhidmatan	
7.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan Malaysia	
8.	Salinan Dokumen Pendaftaran GST bersama No. Pendaftaran GST dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Hanya bagi Penyebut harga Yang Berdaftar GST dengan JKDM)	

.....
Tandatangan Penyebut Harga

Nama Penuh :

Cap Syarikat :